

06 MAY 1996

KONTRAKTOR TIPU: BPR BELUM SEDIA DEDAH IDENTITI

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Badan Pencegah Rasuah (BPR) belum bersedia mendedahkan identiti kontraktor yang disyaki melakukan penipuan bagi memperolehi kontrak kerajaan kerana ia masih menyiasat dakwaan itu.

Ketua Pengarah BPR Datuk Shafie Yahaya hari ini mengesahkan badan itu sudah mengetahui identiti kontraktor itu tetapi belum bersedia mendedahkannya.

"BPR tidak boleh mendedahkan identiti kontraktor berkenaan buat masa ini kerana penyiasatan sedang dijalankan dan kita tidak mahu ia terjejas," katanya ketika dihubungi di sini.

Laporan akhbar hari ini menyebut Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah menyerahkan senarai kontraktor terbabit kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, polis dan BPR untuk tindakan selanjutnya.

Baru-baru ini, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Muhamad mendedahkan bahawa kerajaan kerugian RM12 juta dalam bentuk wang pendahuluan yang dibayar kepada beberapa syarikat kontraktor yang memalsukan maklumat hanya untuk mendapatkan projek tetapi tidak melaksanakannya.

Berikutan pendedahan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kontraktor bumiputera yang terbabit memalsukan maklumat untuk menipu kerajaan sebagai "pengkhianat". -- BERNAMA

NAS NAK